CINTA SOFEA (1)
Bahagian Satu
Bila Kau Senyum
Edisi Rombak Semula

Melihat dia yang sedang tersenyum lebar begitu benar-benar buat aku sakit hati. Sebal! Apa dia fikir senyuman mahalnya itu boleh menggoda aku? Tolonglah... sampai bila pun hati ini tidak akan tergoda, tegas aku.

"Awak ni suka sangat hilang. Dah masuk kali kedua saya terpaksa 'selamatkan' awak begini." Katanya sebaik sahaja menjumpai kami di noriba (platform) 6 sebentar tadi.

Darah aku tersirap. *Excuse me...* Macamlah aku suka sangat dia datang 'selamatkan' aku. Macamlah kalau dia tak datang, aku akan hilang arah! Jika sudah rasa 'terpaksa-paksa' begitu, kenapa tidak disuruh saja orang lain yang menunggu aku di sini. Apa perlu menawarkan diri sendiri kalau sudah merasa sakit hati? Lepas itu, mahu perli-perli orang pula.

Sepatutnya sesiapa sahaja dalam kumpulan tadi beritahu sahaja densya mana yang perlu dinaiki. Arah mana. Noriba nombor berapa. Supaya tidak perlu bersusah-payah menyeksa hidup sesiapa pun. Gerutu aku dalam hati.

Aku menjuihkan bibir pada lelaki yang bercakap semahunya tentang aku itu. Mahu saja rasanya menjawab, "Saya ni budak Tokyo. Hari-hari saya naik densya ke sana ke mari. Ke dai (daigaku=universiti)... baik ke mana aja. Kalau setakat tersalah jalan, terlambat, tertinggal dan 'ter-ter' yang lain, saya dah biasa. Takkan saya menangis berteriak minta tolong. Saya boleh cari arah sendiri. Janganlah awak risau. Lainlah budak kampung yang tak selalu naik densya macam awak. Belum apa-apa dah cuak. Dan sekarang awak nak berleter pula macam makcik-makcik. Mahu pijar telinga saya ni."

Tetapi mujur sedari awal lagi aku telah kunci mulut ini rapat-rapat. Takut juga terlepas kata. Perempuan diasuh supaya berbudi bahasa dan bertutur lemah-lembut. Bukannya diajar menjawab sesedap rasa. Sudahlah menyusahkan orang tetapi masih lagi mahu berlagak. Budak sombong!

"Dah solat? Dah makan?" Lelaki itu menyoal.

Aku dan seorang lagi mangsa hilang, Salwa menggeleng serentak.

"Saya dah sudah tadi." Beritahu dia dengan suara mendatar.

Tak tanya pun, hati ini membalas. Amboi Khadijah! Jahatnya kamu. Dia bertanya penuh ikhlas, kau pula mengutuk seenaknya dalam hati.

Salah dia juga kerana pandai sangat menyindir aku tadi. Tetapi salah aku juga kerana

selalu mudah terasa hati. Hati oh hati... Bukankah Kak Fida selalu pesan, kita kena berlapang dada bila ditegur. Jangan mudah sangat naik angin. Setiap teguran adalah untuk kebaikan diri juga, bukan niat untuk memusnah dan menghancurkan apalagi membunuh!

"Kita pergi makan dulu. Kemudian solat jama' zohor asar. Nanti saya akan carikan tempatnya." Lelaki yang kononnya penyelamat itu menerangkan rancangan selanjutnya kepada kami.

Aku tersenyum tawar. Dia membalas dengan senyuman juga. Lesung pipit terserlah di kedua-dua belah pipinya itu. Dalam sekelip mata, wajahnya yang garang dan sinis tadi bertukar menjadi semanis gula. Aku memandang ke arah lain sebelum hati aku bertindak memuji lebih-lebih pemilik wajah tampan itu.

Syed Ahmad Mukhriz Syed Ahmad Mukhtar. Apa istimewanya lelaki berketurunan syed itu pada kaca mata aku? Dia adalah satu-satunya lelaki yang berjaya mencuri perhatian aku. Tingkah laku dan tutur katanya mempersonakan. Sehingga kini, aku tidak dapat membohongi hatiku. Dan aku tidak dapat menolak hakikat bahawa aku menyenangi keperibadiannya itu.

Pertama kali bertemu dahulu kira-kira lima tahun yang lalu, masing-masing berada di Tingkatan Lima. Aku yang ditugaskan sebagai wartawan buletin khas sempena Pesta Piala Menteri dikehendaki menemuramah pendebat terbaik kategori Bahasa Melayu. Tanpa disangka pertemuan itu juga membawa bibit terpautnya rasa hati pada lelaki itu.

"Impian saya adalah... ingin melihat Islam kembali gemilang. Usaha ke arah keagungan dan kegemilangan akan terkabul di tangan-tangan belia-belia Islam, bukan di kalangan orang yang tidak bermaya lagi tidak berpotensi. Sebagaimana kita semua ketahui, angkatan belia adalah merupakan suatu tenaga yang utuh, teguh andainya mereka ini diasuh dan ditarbiyah dengan tarbiyah Islamiah, hingga jiwa-jiwa mereka ini penuh padu keimanan dengan Allah. Berteraskan dengan keimanan yang tulen sahajalah kedudukan ummah ini dapat ditingkatkan sampai menjadi suatu ummah yang aman makmur."

Saat itulah aku jatuh hati pada lelaki hebat ini. Kagum. Andai wujud seribu lagi remaja Islam yang punya kesedaran seperti Syed Ahmad Mukhriz di luar sana, aku pasti impian itu akan tercapai. Aku cukup optimis.

"Di sebalik keagungan dan ilmu ketamadunan Islam, maka kita dapati generasi belialah yang dianggap telah memainkan peranan yang begitu hebat, hinggakan keagungan Islam tercapai di tangan mereka. Ketabahan hati mereka amat mengagumkam sekali. Mereka tidak tertipu dengan kemewahan yang mereka perolehi di dunia ini. Mereka terus berusaha, bekerja dan berjihad untuk berdakwah ke jalan Allah."

Mendengar jawapannya itu buat hati makin terpikat, terbuai dan tergoda. Malangnya hari itu aku tidak membawa sebarang alat perakam suara atau yang sewaktu dengannya. Jadi, aku dan Hanis mencatat setiap bait kata lelaki itu dengan penuh bersungguh-sungguh.

Sayang rasanya kalau tertinggal walaupun satu ayat.

Tiba-tiba aku rasa lengan aku dicuit. Lantas aku tersedar dari lamunan. Kelihatan Salwa dan Mukhriz sedang memandang aku. Wajah hangat menahan malu.

"Kalau suka berkhayal macam ni awak akan hilang lagi, Khadijah." Kata Mukhriz sebelum menghilang diri di dalam kedai soba (mee).

Dada aku menggelegak tiba-tiba. Kenapalah dia masih mahu menyakiti aku? Menyesal aku memuji-muji dia tadi. Alih-alih aku pula disindirnya lagi. Menyampah sungguh! Agaknya dia fikir aku punya kegemaran yang aneh dan 'missing in action' ini merupakan salah satu hobi aku di masa lapang. Aduh, geramnya aku...

"Kak Adi tak nak makan ke?" Tanya Salwa bila melihat aku tercegat sahaja di sini.

Dalam keterpaksaan cepat-cepat aku melangkah ke dalam kedai itu. Mukhriz sudah menanti kami di hadapan kaunter. Aku dan Salwa mendekatinya. Dalam pada itu, aku sedaya upaya memaniskan wajah yang sudah terasa kelat ini.

"Nak makan apa? Saya belanja." Katanya lalu menyerahkan menu pada aku.

"Tak payahlah susah-susah." Balas aku acuh tak acuh. Sambil itu, mataku ralit memerhati menu makanan yang tersenarai.

"Orderlah. Nanti saya bayarkan. Ikhlas illahi taala. Lagipun saya dah buat awak marah tadi." Katanya seakan berbisik pula.

Hati aku jadi sejuk serta-merta. Dia masih Mukhriz yang aku puja. Cuma kadangkala telinga aku terpaksa menahan kata-katanya yang berbau sinis itu.

"Kaki age soba..." Aku memesan mee jepun berkuah yang berlaukkan tiram goreng itu, manakala Salwa pula memilih udon yang dimakan bersama telur separuh masak. Mukhriz mengeluarkan not seribu yen dari dompetnya lalu diserahkan pada cashier.

"Abang Mukhriz tu baik kan. Jarang jumpa orang yang bertanggungjawab macam dia." Komen Salwa sebaik sahaja Mukhriz beredar mencari tempat untuk solat.

Aku mengangguk. Walaupun terasa hati dengan lelaki itu tetapi aku mengakui sifat bertanggungjawab yang dimilikinya. "Abang Mukhriz tu bukan jenis orang yang lepas tangan. Mesti dia yang tawarkan diri menemankan kita yang hilang tadi. Dia takkan biarkan kita travel terus sampai ke Oita tanpa ada ikhwah (lelaki) yang temankan." Kataku dengan penuh yakin.

Bimbang jadi apa-apa nanti, kata Mukhriz suatu ketika dahulu. Memang dia menepati ciri seorang pemimpin yang baik, sentiasa mengambil berat tentang orang di sekelilingnya. Aduh, manalah hati ini tidak terpikat!

Kali pertama dahulu pun begitu juga. Aku tiba lewat di Tokyo eki semasa ingin mengikuti program cuti musim panas. Dalam ramai-ramai ahli rombongan, hanya dia dan Kak Fida sahaja yang sudi menunggu aku. Langsung kami pergi bertiga. Sebab itu tadi, aku malu dan segan yang teramat sangat bila mengetahui Mukhriz sekali lagi akan menolong aku. Cuma aku sahaja yang masih tidak serik-serik menyusahkan hidup semua orang.

Kasihan pada Salwa. Aku juga telah menyusahkan kohai yang dua tahun lebih muda itu. Kalau bukan kerana menemankan aku, dia tidak akan terlibat dalam episod tertinggal keretapi ini. Wajahnya jelas tampak risau benar. Rasa bersalah makin bertimbun di hatiku.

"Gomenne (maaf ya)... Nampaknya bad luck akak ni dah menurun pada Salwa pula." Kataku entah untuk kali yang ke berapa. Dia juga tahu aku ini sangat sinonim dengan kes sebegini.

"Janganlah cakap macam tu. Akak ni buat saya sedih aja." Kata Salwa, tidak mahu aku terus-menerus rasa bersalah.

Tulus murninya hati dia. Aku jadi terharu. Sebenarnya selera aku sudah mati. Akan tetapi, membazir pula kalau tidak dihabiskan. Orang sudah penat-penat belanja, aku pula mengada-ngada tak mahu makan. Lalu soba yang masih panas itu aku jamah perlahan-lahan.

Sepuluh minit kemudian, kami keluar mendapatkan Mukhriz. Salwa ternampak lelaki itu sedang membaca di suatu sudut yang agak terpencil di dalam eki ini. Kami melangkah menuju arah yang dimaksudkan. Sebaik sahaja tiba di situ, aku terpandang naskah al-Quran mini di tangan jejaka itu. Mengaji rupanya dia, hati kecilku berbisik.

Pandai sungguh dia mengisi masa lapang. Nabi sendiri pernah bersabda, barangsiapa membaca satu huruf dari Kitab Allah s.w.t. maka baginya pahala satu hasanah (satu kebajikan) dan satu hasanah itu berganda sepuluh. Tidak nabi katakan *Alif-Laaam-Miiin* adalah satu huruf, melainkan *Alif* satu huruf, *Laaam* satu huruf dan *Miin* satu huruf.

Mukhriz, Mukhriz... Patutlah rata-rata akhawat (perempuan) dalam persatuan kami tidak berhenti-henti menyebut nama dia. Diberi pujian berbakul-bakul. Kalau beginilah sikap dia, pasti ramai ibubapa yang kepingin buat menantu!

Usai solat, kami memulakan perjalanan semula. Oleh kerana tiada tempat duduk, kami terpaksa berdiri mengadap antara satu sama lain. Mahu tidak mahu aku terpaksa memandang Mukhriz.

"Kita kan bergerak dalam satu kumpulan. Kenalah ikut arahan ketua. Bila tok ketua suruh berkumpul sebelum pukul 2.30 semua mesti patuh. Tak boleh buat 'timing' sendiri. Bukannya apa, takut nanti jadi kes macam ni. Sedikit sebanyak jadual perjalanan

kita pun akan turut berubah." Katanya tiba-tiba ketika sedang membelek buku jadual densya.

Walaupun tegurannya itu berbaur ikhlas, namun hati ini tetap rasa tersindir juga. Meskipun begitu, aku memilih berdiam diri. Malas hendak menjawab. Memang betul salah aku, hendak kata apa lagi? Beberapa minit sebelum bertolak tadi, tiba-tiba sahaja perut aku buat hal. Memandangkan perjalanan kami selepas ini memakan masa lebih tiga jam tanpa henti, aku segera meminta Salwa menemankan aku ke tandas yang berdekatan. Tidak sangka pula disebabkan oleh hal itu akan membawa kepada satu lagi memori hitam dalam sejarah hidup aku di bumi sakura ini.

Aku melemparkan pandangan ke luar tingkap. Keretapi terus meluncur laju meninggalkan Gifu eki. Di tengah perjalanan, salji turun dengan lebatnya secara tiba-tiba. Aku jadi cemas. Ada satu kebarangkalian yang akan berlaku. Densya akan berhenti jika salji terlalu tebal. Sebagai orang Tokyo, aku sudah boleh menjangkakannya. Memang benar telahan aku kerana tidak lama selepas itu densya kami terhenti di salah satu eki.

"Nampaknya kita terperangkap dalam densya ni." Kata jejaka berlesung pipit itu lagi. Pandangan matanya yang redup disorongkan kepada aku. Seolah-olah kata-katanya tadi ditujukan khas kepadaku.

Aku hanya tersenyum geram. Kenapa tidak berterus-terang dan katakan saja, "Kerana kesilapan awak tadi, kita terperangkap dalam salji begini." Bukankah lebih senang difahami. Dan tidak perlu dilemparkan pandangan sinis begitu pada aku.

Tiba-tiba lampu dan pemanas terhenti. Bekalan elektrik terputus agaknya. Aku melirik ke kiri dan ke kanan. Tidak semena-mena hati aku dilanda kesedihan yang amat sangat. "Nampaknya memang saya ni bawa malang pada semua. Kalau tak kerana saya, kita takkan terperangkap begini. Awak dan Salwa akan berada dalam kumpulan kita tadi. Saya betul-betul minta maaf..." Luahku.

Mukhriz tersentak. Nampak kurang senang dengan kata-kata aku itu. "Astaghfirullah hal azim... Apa yang awak merepek ni? Ini takdir namanya. Kan semua ini berlaku di luar jangkaan kita. Tak baik menyalahkan diri sendiri. Kata-kata saya tadi bukan bertujuan untuk menyindir awak, Nur Khadijah."

"Tapi mata awak jelas mengatakannya, Syed Ahmad Mukhriz." Kalau boleh aku mahu menyebut namanya dengan ber'bin-bin' sekali. "Tak usahlah nak berselindung lagi. Sejak dari tadi awak tak berhenti-henti menyindir saya." Aku jadi semakin berani.

Dia merengus marah. "Kenapa mesti simpan perasaan buruk sangka begitu terhadap saya? Demi Allah, tidak terdetik langsung di hati saya untuk menyalahkan awak. Percayalah..."

Aku diam. Sebahagian dari diri aku mahu mempercayainya. Tetapi sebahagian lagi terus menggoda aku supaya menaruh syak wasangka yang bukan-bukan.

"Ana kena call sahabat kita yang lain. Perlu maklumkan segera pada mereka yang kita akan terlewat lebih dari yang sepatutnya."

Dan semuanya kerana aku, hati kecilku menambah.

"Takkan awak nak suruh mereka tunggu kita lagi? Kita cuma bertiga. Mereka tu pula ramai. Saya tak mahu sebab kita mereka pun terlewat sama. Perjalanan kita masih jauh." Kenapalah mereka bawa sekali beg kita tadi. Tiket pun ada pada mereka. Bukankah sudah susah begini. Khadijah, Khadijah... Kamu ni tak habis-habis menyusahkan orang.

Mukhriz tidak membalas pertanyaan aku. Sebaliknya dia bangun dan meminta diri untuk pergi ke tempat lain. Mungkin mahu berbincang dalam keadaan lebih private.

"Akak nak pergi ke belakang sekejap. Ambil angin. Tolong beritahu pada abang Mukhriz nanti ya." Pesanku pada Salwa sebelum mengangkat punggung.

Salah satu cara menghilangkan rasa marah adalah dengan melarikan diri dari tempat yang membuatkan kita merasa marah. Dan itulah yang ingin aku lakukan sekarang. Aku berjalan melalui lorong di antara tempat penduduk sehingga sampai di ruang kosong antara gerabak. Tidak lama kemudian, Salwa dan Mukhriz datang menyapa.

"Yuki (salji) di Tokyo tentu tak selebat ini kan?" Mukhriz bertanya dengan ramah.

Aku mengangguk. Terus memandang salji yang turun dari langit seperti titik-titik hujan. Cantik. Aku cukup suka salji. Sayangnya Tokyo bukanlah kaya dengan salji. Jadi, setiap kali melihat salji yang begitu banyak sebegini hati aku akan melonjak keriangan. Kalaulah pintu densya boleh dibuka, sudah lama aku berlari-lari di luar sana. Paling kurang membuat snowball.

"Di Akita, jangan cakaplah. Pemandangan macam ni biasa saja pada kami. Tahun lepas, tebalnya lebih dari satu meter." Aku membiarkan lelaki itu bercerita semahunya. Tidak sekali-kali aku menyampuk apa lagi menunjukkan riak wajah yang aku amat berminat mendengar. Walaupun pada hakikatnya, suaranya itulah yang menjerat hatiku.

"Awak masih terasa hati dengan saya, Adi?" Dia menanti reaksiku tetapi aku tetap diam membisu. Sengaja mahu menunjukkan tanda protes. Biarlah dikatanya aku ini kebudak-budakan. Aku juga lebih rela menjadi puteri salji daripada berbalas kata dengan dia.

"Rupanya dari tadi saya bercakap seorang diri." Katanya lagi sambil ketawa kecil. Apa yang lucunya aku tidak tahu. Biasanya debater pencen seperti dia ini memang suka sangat bercakap. Lalu aku beri peluang seluas-luasnya kepada dia untuk bercakap sepuas hati. "Memandangkan kehadiran saya sememangnya tidak diperlukan di sini, baik saya pergi duduk dulu."

Aku memandang dia sekilas. Sempat lagi menyindir aku sebelum angkat kaki. Datangmu

tidak kujemput dan pergimu tidak kuhalang, hati aku membalas dengan Bahasa Melayu yang indah juga. Masih tidak mahu kalah pada bekas pendebat terbaik itu.

"Salwa, tolong ambilkan gambar akak." Aku menyerahkan kamera digital pada gadis itu. Segera aku bersandar pada tingkap besar yang belakangnya dihiasi pemandangan salji yang memutih indah.

Aku menoleh ke kiri dan mendapati Mukhriz masih ada di sini. Lebih tepat lagi dia sedang giat memerhatikan aku. Kalau tidak, masakan tiba-tiba sahaja wajah tampannya itu boleh memerah tanpa sebab. Pandangan kami bertaut. Lantas bibirnya perlahan-lahan mengukir senyuman. Dengan wajah yang malu-malu kucing, dia segera melarikan diri dari situ. Langsung aku tersenyum sendiri.

Mukhriz... bila kau tersenyum, api yang marak di hati pun akan terpadam!

CINTA SOFEA (2)
Takdirnya Sebuah Pertemuan
Edisi Rombak Semula

Mukhriz yang bersandar pada belakang kerusi sedang khusyuk membaca sewaktu aku dan Salwa kembali mendapatkannya. Setelah menyedari kehadiran kami, keningnya terangkat lalu senyuman nipis mengelopak di bibir. Tercetus lagi debaran di hati. Lalu cepat-cepat aku larikan pandangan ke arah lain.

"Khadijah..." Aku menoleh apabila namaku dipanggil. "Kita akan kumpul semula dengan yang lain dekat Sannomiya eki malam nanti. Sempat lagi kejar Moonlight Kyusyu sampai ke Moji." Beritahu Mukhriz.

"Betul?" Tanya aku, meminta kepastian.

Lelaki itu mengangguk mengiakannya.

"Alhamdulillah..." Ucapku lagi dengan penuh rasa syukur.

"Mujur awal-awal kita dah budget masa untuk hal-hal kecemasan begini. Lagipun, kita dah bertolak lewat sikit dari Tokyo eki pagi tadi. Jadi janganlah awak tension dan anggap semua ni salah awak seorang, Khadijah." Tutur lelaki yang terkenal dengan sifat menjaga masanya itu dengan nada yang cukup lembut.

Aku jadi senang hati. Dia tidaklah seburuk yang disangka. Aku sahaja yang cepat terasa hati yang bukan-bukan. Mudah buruk sangka pada orang. Hanya dek tegurannya yang bernada sinis itu hati ini tercuit dan tersinggung. Sepatutnya aku sudah maklum dengan sifat dan sikap dia yang satu itu kerana aku telah diberitahu sebelum ini.

"Sebagai seorang debator, saya dilatih menjadi seorang yang kritis. Perlu mencari

kesalahan pihak lawan walau sekecil hama sekalipun. Sudah begitu adatnya. Kadangkala terbawa-bawa juga sikap ini di luar pentas debat. Saya tak dapat nafikan hal itu dan saya akui kelemahan saya itu. Tapi..." katanya sewaktu ditemuramah suatu ketika dahulu.

Masih disisipkan perkataan "tapi" walaupun dia sudah mengakui kekurangannya. Agaknya memang sudah lumrahnya begitu. Debator seperti dia sentiasa hendak menang bila berbicara. Dia dilatih untuk menentang hujah pihak lawan, walaupun kadangkala hujah dia sendiri bukannya betul mana pun.

Sewaktu lelaki itu sedang 'mempertahankan' dirinya, aku dan Hanis saling berbalas senyum. Seperti tahu yang masing-masing sedang memberikan analisis yang sama tentang Syed Ahmad Mukhriz. Apa khabar agaknya Hanis sekarang? Sihatkah dia? Tiba-tiba aku terkenangkan anak pakcik Zabidi yang sedang menuntut di UTM Skudai itu.

Nurhanis Zabidi, satu-satunya teman yang paling akrab sejak kami sama-sama menjejakkan kaki di Sekolah Tun Fatimah ini. Kami berdua memang sehati sejiwa. Entah macam mana dia yang mulut becok boleh serasi pula dengan aku yang pendiam. Pelik.

Sejak dari kecil aku ini pendiam dan suka menyendiri. Aku lebih suka membaca daripada berbual dengan orang. Aneh bukan perangai aku. Biasanya perempuan dilahirkan ringin mulut bukannya mulut yang kononnya tersimpan intan berlian seperti aku. Sifatku berbeza sungguh dengan adik-adikku yang lain. Mereka semuanya petah bercakap dan riuh rendah.

"Kawan angah selalu tanya, apa pasal kakak kau tu pendiam sangat. Tak becok macam angah. Angah pun hairan juga. Kenapa ya? Agaknya along ni bukan anak papa dengan mama kot." Tukas angah sambil ketawa berderai.

Aku sungguh terasa hati waktu itu. Lalu aku segera mengadu pada papa yang baru pulang dari masjid. Manalah tahu kalau betul-betul aku ini anak angkat atau anak pungut.

"Kan nama along 'Nur Khadijah Binti Khuwailid'. Anak siapa lagi, anak papalah. Lagipun, along kan anak kesayangan papa. Sebab tu along pendiam macam papa ni juga. Jangan sedih lagi ya sayang." Pujuk papa sambil memeluk erat tubuhku yang kecil.

Setelah mendengar penjelasan papa hati aku kembali tenang. "Angah tu memang nak kena. Suka sangat buat lawak bukan-bukan. Siaplah dia lepas ni..." Kata papa lagi setelah mengetahui mulut angahlah yang terlebih bijak mereka cerita karut ini.

"Papa... janganlah marah angah. Kesian dia. Salah along juga sebab cepat sangat terasa." Walaupun sakit hati mengenangkan angah yang selalu cemburu 'kononnya papa selalu melebih-lebihkan aku', tapi tidak tergamak pula membiarkan dia dimarahi. Angah, angah... kalau cemburu sekalipun, janganlah kata sampai begitu sekali. Kecil hati along ni.

"Pendiam macam papa. Sensitif macam mama." Kata papa sambil memicit hidung aku.

Aku tersenyum-senyum malu. Kesedihan tadi hilang bersama belaian kasih papa. Kasih sayang itu juga dibahagikan pada setiap orang dalam jumlah yang sama banyak. Jadi, apa perlu cemburu lagi. Mungkin bahagian mama lebih sedikit sebab mama itukan buah hati pengarang jantung papa!

Papa tidak pernah segan silu melahirkan rasa cintanya pada mama di hadapan kami adik-beradik sehinggakan mama pula yang tersipu-sipu malu. Aduh, bahagianya hidup mereka berdua. Lalu aku bertekad di dalam hati, apabila besar nanti aku juga dipertemukan seseorang yang sebaik papa. Mudah-mudahan... begitulah doaku selalu. Mungkin orang lain akan kata, papa bukanlah contoh bapa mithali. Tetapi bagi aku, dialah insan yang terbaik dan tiada tolok bandingannya.

Rupa-rupanya doa aku siang dan malam itu termakbul apabila dipertemukan dengan Syed Ahmad Mukhriz. Aku rasakan dia memiliki keperibadian seperti papa. Semakin lama mengenali lelaki berketuranan syed itu, semakin aku tertarik akan keluhuran hatinya. Ditolak mulutnya yang suka memberi kata-kata pedas, dia memang seorang lelaki perfect! Sempurna pada pandangan aku, tentunya.

Masih ingat lagi betapa gelabahnya aku apabila ditugaskan untuk menemuramah lelaki itu. Lucu betul. Tidak pernah rasanya aku jadi segelabah itu.

"Boleh tolong *interview* dia ni?" Kata Seri Adriani lalu menghulurkan sekeping kertas kecil sahaja aku menyerahkan kepadanya hasil temuramah yang sudah siap dicetak dalam kertas saiz A4.

Aku membaca tulisan yang tercatat pada helaian kertas itu. Satu huruf demi satu huruf dengan perasaan yang berdebar-debar.

Syed Ahmad Mukhriz Syed Ahmad Mukhtar
Debat Bahasa Melayu - Sekolah Alam Shah

Aku ulang baca nama tersebut beberapa kali. Dada sudah berombak-ombak ganas. Wajah Seri yang bujur sirih ditatap dengan perasaan bercampur baur.

"Tapi dia ni lelaki..." Lemah aku bersuara.

"Ya. Aku tahu."

"Tak boleh ke suruh *repoter* lelaki yang pergi interview budak ni?"

Seri sudah berkerut dahi. "*Repoter* lelaki? Nak suruh siapa? Pakcik jaga? Sekolah kita ni semuanya perempuan, cik kak." Jawab ketua editor aku itu sambil ketawa kecil.

"Bila nak kena *interview* ni?" Soalku sambil menggaru kepala yang tidak gatal. Malu sendiri kerana terlupa pula akan hal itu. Bodohnya aku...

"Esok ada *final match* antara SAS dan MCKK. *And this guy*... antara nama yang disebut-sebut akan jadi *debater* terbaik. Jadi aku nak kau pergi interview dia. Lepas pemenang diumumkan... dan itupun kalau nama dia ni naik."

Aku menarik nafas lega apabila mendengar syarat yang dikenakan. "Kiranya kalau dia tak jadi *best debater*, tak perlulah. Begitu?"

Seri tidak pantas menjawab. Matanya tajam merenung aku seperti sudah tahu yang aku ingin mengelak. "Untuk pengetahuan kau, dia ni antara *debater* yang paling popular di seluruh SBP. Jadi, apa salahnya *interview* aja dia sementara ada peluang ni. Mungkin boleh letak dalam buletin sekolah bulan depan. Rasanya ramai student sekolah kita ni nak tahu pasal *Mister* Syed ni." Seri yang juga memegang jawatan sebagai editor buletin sekolah memberikan cadangan yang sekaligus melenyapkan angan-angan aku untuk lari daripada melakukan tugas ini.

Mudahnya dia berkata-kata, yang nak menemuramahnya nanti aku!

"Kenapa aku? Kenapa tak suruh aja orang lain?" Tanya aku pada anak kelahiran negeri Cik Siti Wan kembang itu. Patutlah tadi dia tersenyum-senyum pada aku. Rupanya ada udang di sebalik mee. Bukannya Seri tak tahu aku tidak betah di hadapan lelaki. Macam sengaja mahu mengenakan aku.

"Hari tu kau yang beria-ia nak tugas macam ni, kan. Jadi apa lagi..." Jawab Seri lalu mengenyitkan matanya. Wajah aku sudah masam mencuka. "Dan mana tahu dari pertemuan tu nanti dapat ilham untuk cerpen bersiri yang baru." Kata anak bongsu dari sembilan beradik itu sebelum berlalu meninggalkan aku terpinga-pinga.

Aku kembali ke asrama dengan langkah yang longlai dan tidak bermaya. Nampaknya apa yang Hanis katakan semasa kami outing dua minggu sebelum itu menjadi kenyataan!

"Aku harap kali ni aku tak dapat tugas tulis cerpen lagi. Kalau tak, berasap kepala aku lagi ni tau. Dahlah terperuk aja dalam bilik komputer. Kalau boleh, aku nak *interview* orang. Nak pergi sana sini cari bahan untuk buletin. Baru *best* sikit. Adalah rasa macam wartawannya." Kata aku dengan penuh semangat sekali.

"Lepas tu pula... untung-untung dapat jumpa yang kacak dan tampan. Mana tahu boleh buat modal cerpen akan datang, kan. Tak gitu, Cik Adi?" Hanis menambah tanpa dipinta.

Bulat mata aku mendengarnya. "Sekarang siapa terlebih jiwa-jiwa? Aku atau kau, Cik Hanis? Mengata dulang paku serpih, mengata orang dia yang lebih." Balas aku yang tidak mahu mengalah.

Hanis tidak patut melabel aku sebagai minah jiwang karat hanya semata-mata kerana cerpen bersiri yang tersiar di buletin sekolah itu. Seronok sakan dia bila dapat peluang mengejek aku. Nur Khadijah Khuwailid yang kononnya tidak berperasaan dan hati keras

macam batu, rupa-rupanya menulis kisah cinta!

Sebaik sahaja tiba di asrama, aku pergi mengadu nasib pada Hanis. Tak sempat aku habiskan mukadimah cerita, dia sudah rebah dan tidur dengan pulasnya. Penat sangat, barangkali. Sebelah petang tadi dia sudah berhempas-pulas beraksi di gelanggang bola keranjang untuk melayakkan pasukan sekolah kami ke peringkat akhir.

Aku meninggalkan Hanis sudah dibuai lena lalu pergi menyiapkan soalan Mukhriz di bilik gerakan majlis perwakilan pelajar. Untung-untung Wani ada di sana. Bolehlah aku minta pendapat ketua pelajar kami yang juga merupakan wakil debat Bahasa Melayu itu.

Kaki ini tidak jadi melangkah setelah mendapati Syarifah Zarina Syed Zawawi atau lebih dikenali sebagai kak ratu dan 'dayang'nya, Laila Suriati sedang enak bersemayam.
Dua teman baik itu sedang melepak sambil menjamah supper di situ.

"Eh, nak ke mana tu? Marilah duduk sini. Kita sembang-sembang." Pelawa kak ratu dengan ramah tiba-tiba. Laila di sebelahnya ketawa mengekek. Aku jadi curiga dengan kelakuan aneh mereka berdua.

"Tak apalah... Aku tengah cari Wani." Balas aku, sekadar berbasa-basi.

"Macamlah tak biasa dengan kami. Marilah masuk dulu. Kejap lagi datanglah si Wani tu." Kata si 'dayang' pula.

Aku jadi serba salah. Kaki ini melangkah jua. Sebaik sahaja melabuhkan punggung, kak ratu mula membuka cerita. "Aku dengar cerita kau kena interview Syed Ahmad Mukhriz esok. Betul ke?"

"Haah..." Jawab aku, malas. Rupanya keramahan dan kemesraan dia tadi bersebab. Memang tepat firasat aku.

Mata kak ratu yang bulat itu tiba-tiba bersinar cerah umpama bulan purnama. Senyuman manis terukir di bibirnya yang merah delima. Syarifah Zarina memang cantik tetapi sikapnya yang suka busy body dan terlalu banyak bercakap buat aku kurang menyenanginya. Walaupun begitu hatinya baik dan tidak kedekut.

"Kenapa kau datang cari Wani?" Tanya kak ratu lagi sambil mencuri pandang buku nota aku yang terbuka luas.

"Aku kena buat soalan..." Belum sempat aku menyudahkan ayat, perempuan itu sudah menyampuk.

"You come to the right person, Adi. Kebetulan aku ni pun debator dan... aku cukup kenal dengan Mukhriz tu. Rasanya aku boleh bantu kau...." Dan dia terus bercerita bagaimana dia boleh berkenalan dengan Syed Ahmad Mukhriz.

"Jadi, esok kau akan jumpa dia sendiri?" Tanya exco keceriaan sekolah itu lagi. Kak ratu yang gemar berhias itu memang berbakat menghias dan menceriakan kawasan sekolah. Semacam jari-jemarinya memiliki sentuhan emas.

"Mungkin Hanis akan temankan." Jawabku ringkas.

"Kalau nak aku temankan beritahu aja... "

Aku mengangguk.

"Baiklah... aku akan tolong kau tapi sebelum tu aku ada sedikit permintaan." Kak ratu mempamerkan giginya yang tersusun indah.

"Apa dia?" Aku jadi gerun. Apakah di sebalik semua ini ada konspirasi besar-besaran yang sedang dirancang untuk mengenakan aku?

"Begini... biasanya orang berketurunan syed seperti Mukhriz tu, dia akan pilih calon dari kalangan sharifah juga. Seseorang yang sekufu dan sepadan.... macam aku ni contohnya." Ujar kak ratu sambil ketawa kecil. "Jadi, mungkin kau boleh tanyakan ciri-ciri wanita idaman dia... dia tu dah berpunya ke belum..."

Aku membeliakkan mata besar-besar. Seperti tidak mempercayai apa yang aku sedang dengar saat itu."Ni bukannya sesi photo shoot majalah hiburan, kak ratu." Balasku dengan suara perlahan. Bimbing pula dia terasa hati.

"Aku tahulah. Macamlah aku ni bodoh sangat. Sesama kawan pun takkan tak boleh tolong. Kau ni berkira sangatlah..."Katanya lalu menarik muka masam.

"Apa yang ribut-ribut ni?" Sapa seseorang.

Kami menoleh serentak. Melihat Syazwani Idrus tersembul di muka pintu, serasa mahu dipeluk teman sekerja aku itu dan berkata "Wani, kaulah penyelamat aku!"

Serta-merta wajah manis kak ratu dan Laila menjadi tawar. Semenjak kalah dalam pilihanraya pemilihan ketua pelajar awal tahun lalu, kak ratu melancarkan perang dingin ke atas Wani. Perempuan... tak habis-habis dengan perasaan cemburu dan iri hati.

"Kenapa dengan kak ratu kita tu?" Tanya Wani setelah kak ratu berlalu.

Aku menjungkitkan bahu. Malas memanjangkan cerita . Aku tolak ketepi soalan tidak relevan dari kak ratu tadi. Wajah Wani yang tenang aku pandang dalam-dalam. Tanpa membuang masa, aku terus bercerita pada dia.

"Kau akan interview Mukhriz? Wow!!" Wani melopong.

"Takkan kau yang kononnya mengaku keras hati sukakan Mukhriz juga. Nampaknya aku

perlu cepat-cepat ketemu lelaki yang jadi sebutan ramai ni." Usikku.

Wani ketawa kecil. "He's a very good debater and i admire him. Kagum secara profesional, tentunya. One debater to another." Jawab Wani dengan tenang.

Sesuatu yang aku suka tentang anak kelahiran Changlung, Kedah itu. Bicaranya penuh hikmah. Berbeza sungguh dengan kak ratu. Tetapi siapalah aku hendak menilai mereka berdua. Macamlah aku ini baik sangat!

"Bila jumpa dengan dia nanti, kau akan faham apa yang aku maksudkan awal-awal tadi. Anyway, enjoy your interview, Adi." Kata Wani sebelum kami kembali ke bilik masing-masing.

Aku tersenyum tawar. Malam itu mata ini payah benar hendak lelap. Aku terkebil-kebil sendiri di atas katil. Rasa macam ada kupu-kupu yang terbang di dalam perut. Merayap-rayap hingga menimbulkan rasa kurang selesa.

Seperti yang telah dipinta oleh Seri Adriani, keesokan harinya aku berangkat ke Dewan Besar untuk menyaksikan pertandingan akhir debat Bahasa Melayu yang akan berlansung beberapa minit sahaja lagi. Hari ini Cik Nurhanis dengan murah hatinya sudi menemankan aku. Sayang Hanis!

"Kalau dia ni kalah pun kena interview juga ke?" Tanya Hanis.

Aku mengangguk lesu. "Dah Seri minta macam tu. Aku mana boleh bantah cakap dia. Dia kan editor, aku cuma makan gaji. Hitam kata Seri, hitam jugalah kata aku." Ujarku pura-pura sedih.

"Mesti ada apa-apa ni. Agaknya dia minat debater tu kot. Seri tu bukannnya boleh percaya sangat..." Wajah comel Hanis berkerut seribu.

Aku menjungkit bahu. Apa sahaja alasan Seri, aku terpaksa turutinya kerana tugas. Pandangan aku kembali ke atas pentas. Kelihatan kedua-dua belah pasukan sudahpun mengambil tempat di atas pentas. Acara pun bermula. Seorang demi seorang *speaker* diperkenalkan oleh pengerusi majlis.

Mana satu agaknya Syed Ahmad Mukhriz ni, hatiku berdetik.

Sampai sahaja pada giliran pasukan Sekolah Alam Shah. Aku sudah berdebar tidak henti. Yang pertama bukan. Cuma tinggal *speaker* kedua dan ketiga. Yang kedua wajahnya ala-ala orang dari Timur Tengah itu. Hidung mancung dua kali ganda daripada aku. Dia juga memilik sepasang mata yang dalam dan hitam pekat. Potensi dia berketurunan Syed-Syarifah sangat tinggi, fikir aku.

"Speaker kedua yang akan mewakili pihak kerajaan, dalam erti kata lain akan menyokong tajuk perbahasan pada hari ini ialah Syed Ahmad Mukhriz Syed Ahmad Mukhtar..."

Serentak dengan itu tepukan gemuruh bergema memenuhi ruang. Nafas aku terhenti seketika. Sah! Dia 'target' yang dicari! Dan kupu-kupu pun bebas berterbangan di dalam perut aku saat ini...

Aku memandang wajah lelaki kuning langsat itu buat kali kedua. Muka boleh tahan. Nampak serius dengan cermin mata tanpa bingkainya itu. Memang ada gaya seorang debator yang hebat!

Pengalaman mewakili rumah sukan dalam debat Bahasa Inggeris Ala Parlimen tahun lalu membuatkan aku tertarik untuk mendengar perlawanan hari ini dengan hati yang berkobar-kobar. Aku tidak tahu bahasa-bahasa teknikal yang digunakan untuk debat bahasa Melayu. Tetapi prosedurnya sama sahaja.

Perbahasan pun bermula. Speaker pertama dari Sekolah Alam Shah tampil ke hadapan sebagai Perdana Menteri mewakili pihak kerajaan. Dia menjelaskan definasi tajuk perbahasan dan menyatakan pendirian mereka, menyokong tajuk tersebut. Jika barisan pembangkang pula, mereka akan berbuat sebaliknya. Kemudian dia akan menerangkan tugas setiap speaker dari barisan pasukannya dan selepas itu hanya menyampaikan satu hujah sahaja.

Seperti kelazimannya, setiap speakar boleh menerima POI (Point of Information?) atau dalam bahasa Melayunya, Izin Laluan iaitu persoalan yang dikemukakan oleh pihak lawan. Pada aku, waktu POI inilah yang paling menarik kerana pihak lawan akan bersemangat sekali menanyakan soalan bertubi-tubi. Kadang-kadang mereka sengaja sahaja berbuat demikian sebagai taktik melemahkan semangat pihak lawan.

Selesai speaker pertama pihak kerajaan, bangkit pula speaker pertama pihak pembangkang dengan hujah yang berapi-api. Sesekali diselitkan sindiran sinis yang berjaya membuat penonton ketawa. Mata aku tidak lepas dari Syed Ahmad Mukhriz yang kelihatan begitu sibuk mencatat sesuatu. Kadang-kadang nampak dia berbisik sesama rakan sepasukannya. Dia juga rancak mengganggu pihak pembangkang dengan POI yang bertubi-tubi. Bijak!

Akhirnya, yang ditunggu sudah tiba. Syed Ahmad Mukhriz sudah bersedia untuk melontarkan suaranya. Berbeza sedikit dari speaker pertama tadi, dia terpaksa memilih sama ada bersetuju atau tidak dengan definasi yang diberikan oleh pihak lawan. Nyata sekali Syed Mukhriz memilih untuk tidak bersetuju dengan definasi tersebut dan bangkit dengan hujah yang relevan untuk menggoyahkan pihak lawannya. Setelah itu dia mulakan dengan *rebuttal*, mematahkan hujah pertama dari pembangkang pertama tadi. Dalam hal ini perlu juga kemukan sekali bukti-bukti ketidakbenaran dan kepincangannya. Di sinilah kehebatan seseorang speaker diuji Seperti yang speaker pertama tadi, dia akan menyatakan pendiriannya terhadap tajuk yang dibawa. Selepas itu, dua hujah akan diberi dan *refirm motion* buat kali kedua.

Aku terpegun dengan gaya dia berhujah dan kebijaksaannya menangkis POI pihak lawan.

Sampaikan speaker dari MCKK sendiri malu apabila pendapat mereka disanggah oleh Syed Ahmad Mukhriz. Aku juga sudah naik merah tangan sebab asyik bertepuk untuk lelaki itu.

Masuk pusingan ketiga, speaker ketiga pula memulakan hujahnya dengan merumuskan apa yang telah diusulkan oleh dua speaker terdahulu. Kemudian akan *rebut* dan *reaffirm motion*.

Sekali lagi Syed Ahmad Mukhriz keluar untuk *reply speech*. Menggulungkan kesemua hujah yang telah dikemukakan oleh rakan sepasukan dan berakhir dengan *rebuttal* hujah-hujah pihak lawan. Aku menarik nafas lega apabila segala-galanya selesai.

"Memang hebatlah dia ni," bisik aku pada Hanis.

Anak pakcik Zabidi itu mengangguk setuju.

Keputusan diumumkan beberapa ketika selepas kedua-dua pasukan menunjukkan kehebatan masing-masing. Seperti yang dijangkakan oleh ramai pihak, Syed Ahmad Mukhriz berjaya merebut gelaran pendebat terbaik. Kolej Melayu Kuala Kangsar terpaksa berputih mata dan pulang dengan tangan kosong apabila kejuaraan tahun ini berpindah pada Sekolah Alam Shah.

Apabila melihat kesemua speaker turun dari atas pentas, aku sudah berkira-kira untuk berjumpa dengan guru penasihat pasukan Alam Shah. Dengan perasaan berdebar-debar, aku mendekati mereka. Waktu itu juga lirikan mata lelaki berwajah pak arab, Mister Syed itu pula tertumpah pada aku. Namun begitu, dia cuma melihat sekilas sahaja. Mujur!

Sebaik sahaja guru penasihat mereka yang juga seorang lelaki jauh sedikit dari anak buahnya, cepat-cepat aku dan Hanis 'menangkap'nya. Salam kami disambut. Dia yang memperkenalkan dirinya sebagai Cikgu Manaf tersenyum penuh makna apabila mendapat tahu kami ingin menemuramah Mister Syed. Langsung dipanggil anak didiknya itu menyertai kami.

"Syed, ni ada orang nak jumpa kamu." Kata Cikgu Manaf.

Lelaki yang tinggi lampai itu merapati kami bertiga. Pandangannya jatuh pada aku yang sudah rasa kecut perut ditenung oleh matanya yang tajam.

"Ada apa yang boleh saya tolong?"

Amboi! Sopan-santunnya lelaki yang satu ni, bisik aku dalam hati.

"Kami berdua dari pihak buletin PPM." Aku menunjukkan kad nama sebagai bukti. "Kami datang untuk temuramah saudara untuk edisi khas esok. Harap saudara sudi beri kerjasama." Kata aku dengan penuh tertibnya.

Saudara? Aku tergelak dalam hati.

Hanis juga aku lihat sudah menyimpul senyuman. Tetapi Syed Ahmad Mukhriz yang dua jengkal lebih tinggi daripada aku memandang kami berdua dengan dahi berkerut. Mungkin dia menyangka aku akan menemuramahnya saat ini juga.

"Sekarang?" Tanya lelaki itu.

Aku tidaklah kejam itu, desis hati. "Seboleh-bolehnya dalam hari ni juga. Sebab kami perlu siap print untuk edaran pagi esok. Agaknya bila saudara senang?"

Dia menarik nafas lega. "Lepas *lunch* nanti. Pukul dua. Boleh?" Lelaki itu memberi cadangan.

Aku mengangguk cepat-cepat. "Kita jumpa di kantin sekolah. Tahu kan?" Sampuk Hanis.

Lelaki itu mengangguk setuju. "Nampak macam sombong. Langsung tak senyum." Hanis memberi komen setelah Syed Ahmad Mukhriz berlalu.

"Dia penat agaknya." Aku cuba membela lelaki yang baru aku kenali itu. Tetapi memang benar seperti yang katakan oleh Hanis. Langsung tidak terbit walau segaris senyuman sekalipun dari bibir lelaki itu dari awal sehinggalah akhir perbualan. Cara dia pun serius. Macam nak telan orang!

"Dah puas bergambar tadi?" Pertanyaan Mukhriz membawa aku kembali ke alam nyata. Aku mengangguk sambil tersenyum simpul. Kalaulah Mukhriz tahu aku sedang mengimbas kenangan lama itu lagi, pasti aku akan malu besar.

Ah! Bagaimanalah aku dapat menghapuskan kenangan indah itu jika dia tidak habis-habis mengekori aku. Kemudian terus-menerus menambah koleksi kenangannya di dalam album hidup aku seperti apa yang sedang berlaku sekarang.

Masih terngiang-ngiang lagi bisikan lelaki itu sewaktu sesi pendaftaran di Ambang Asuhan Jepun, Universiti Malaya. Takdirnya kita bertemu lagi, Khadijah, bisik Syed Ahmad Mukhriz yang kebetulan berdiri di belakang aku. Lalu bilik kuliah ADK2 yang sejuk itu terasa hangat membara. Sehangat ingatan aku padanya...

CINTA SOFEA (3)
Demi Masa
Edisi Rombak Semula

Masa dan waktu merupakan nikmat dan kelebihan Allah kurniakan untuk manusia. Dia bersumpah dengan nama-nama makhluk ciptaan-Nya, seperti Dia bersumpah dengan nama-nama hari, adalah bertujuan untuk menerangkan kepada manusia betapa bernilainya masa dan kesan-kesan dari peredaran masa.

Akan tetapi, saat ini aku tidak berapa jelas tentang kepentingan masa itu. Kenapa aku perlu terperangkap di dalam keretapi pada waktu salji turun dari langit, bersama-sama dengan Syed Ahmad Mukhriz. Dia di hujung sana, aku pula di hujung sini. Bunyinya macam romantik saja, bukan.

Sudahlah tertinggal keretapi, terpisah dari kumpulan dan kini terperangkap pula dalam salji dengan 'dia'. Macam plot dalam sebuah cerita. Tetapi hakikatnya inilah yang terjadi. Bukannya kisah dongeng atau hikayat penglipur lara. Apa lagi fairytale. Ini adalah sebuah kisah benar!

Kalau difikir-fikir peristiwa begini boleh dimanfaatkan untuk dijadikan sebuah novel. Tentu menarik. Bilalah semangat menulis aku yang tenggelam akan timbul semula. Sejak tamat sekolah, sudah lama aku tinggalkan kegemaran yang satu itu. Yalah, aku kan sudah ada kegemaran baru - missing in action!

Hobi yang mengaibkan diri saja. Pasti akan disebut-sebut sampai tujuh keturunan pun takkan habis malunya. Atau seluruh keturunan aku akan menerima 'sumpahan' ini. Ish! Aku sudah mula merepek-repek tidak tentu hala.

Aku kembali menatap buku yang baru dikeluarkan dari dalam beg sandang tadi. Judulnya "Detik-detik masa" tulisan ulama terkenal, Dr. Yusuf Qardawi. Buku ini telah aku beli kira-kira setahun yang lepas. Selama itu jugalah ia menjadi perhiasan yang tersusun indah di rak biru rumahku. Begitulah nasib buku agama di rumahku. Kalau novel cinta tidak perlu tunggu sampai sehari semalam sudah berjaya dikhatam. Aku menggelengkan kepala mengenangkan sikap aku yang masih tidak berubah itu.

"Kenapa Kak Adi?" Tegur Salwa.

Aku menggeleng lagi. "Akak masih sedih pasal semua ni ke? Sudahlah tu... saya tak marahkan akak. Abang Mukhriz pun macam tu juga. "

Aku tersenyum tawar. Abang Mukhriz kamu tu sekadar menyedapkan hati akak aja, Salwa. Nanti tengoklah... akan ada musahabah berjela-jela dari barisan exco muslimin. Kalau nak dijadikan lebih menarik lagi, ustaz pun akan selitkan kisah ini dalam pengisiannya nanti. Buktinya semasa program natsu (musim panas) yang lepas. Betapa enaknya ustaz di depan memberi komen, mengeluarkan pelbagai dalil dan hujah sampaikan akak malu sungguh dan tak berani angkat muka. Kalaulah waktu itu aku boleh bertukar menjadi orang halimunan dan dapat larikan diri sekejap ke mana-mana, alangkah bagusnya.

Aku mengeluh. Berjalan seorang pun masalah, berkumpulan begini pun bermasalah. Tak pernah habis memberi masalah kepada orang. Kalau diikutkan hati, aku sudah takut dan enggan pergi ke program sebegini. Bimbang 'tragedi' yang sama akan berulang lagi.

Namun begitu, aku tetap pergi dan perkara yang sama tetap berlaku jua. Mungkin Allah

mahu memberi pengajaran pada aku. Mungkin sebelum ini tahap kesabaran aku belum cukup. Aku masih berkeluh kesah bila menghadapi takdir yang telah ditentukannya.

"Allahumma inna na'uuzubika minal hammi wal hazn... Ya Allah, aku berlindung kepada-Mu dari sedih dan duka," bisikku perlahan. Syahdu.

Apa yang menimpa diri seseorang bukanlah suatu kesalahan atau kekeliruan atau terjadi secara kebetulan. Semua yang sudah ditentukan takdir-Nya tidak mungkin salah atau meleset. Takdir Allah merupakan suatu kepastian... sama ada manusia itu rela menerimanya ataupun marah-marah, sama ada dengan sabar ataupun dengan gelisah. Orang yang berakal harus sabar dan rela agar tidak kehilangan pahala. Kalau tidak sabar dengan rela, maka 'sabar terpaksa' yang dilakukannya tidak ada nilainya baik dari segi agama ataupun dari segi moral.

Padahal Dia sedang cuba menerangkan kepada aku tentang erti kehidupan. Kehidupan dunia bukanlah syurga kebahagiaan atau tempat tinggal abadi, tetapi medan pelaksanaan tugas dan menempuh ujian dan cubaan. Dia ingin menjelaskan bahawa kehidupan dunia penuh kesulitan dan kepayahan. Sedangkan manusia itu juga diciptakan dalam susah payah.

Dia menciptakan kehidupan dunia ini bercampur antara kesenangan dan kesusahan, antara kenikmatan dan penderitaan, antara hal-hal yang disenangi dan yang dibenci. Tidak akan ada suka tanpa duka, atau kesihatan tubuh tanpa penyakit, atau istirehat penuh tanpa lelah, atau pertemuan tanpa perpisahan, atau keamanan tanpa ketakutan.

Itulah hakikat sebuah kehidupan yang perlu aku fahami sebenarnya. Aku sahaja yang masih tidak sedar dan mengerti. Pandangan mata hati aku terlindung kerana terlalu banyak titik-titik hitam yang mengotorinya. Lantas hati ini jadi sayu. Sebenarnya aku patut rasa bersyukur kerana terpilih menghadapi ujian ini. Bukan semua orang diberi peluang keemasan sebegini. Dia anugerahkan masa ini untuk aku berfikir tentang keluasan nikmat dan rahmat-Nya itu. Kolam mata terasa hangat lalu mengalirkan sungai air mata. Aku cepat-cepat menyeka hujung mata yang basah sebelum orang lain menyedarinya.

"Khadijah... kenapa menangis pula tu?" Suara Mukhriz bergema di cuping telinga.

Aku tersentak. Terus membatu. "Janganlah sedih-sedih macam ni... awak buat saya risau." Suara lelaki itu jelas menggambarkan kebimbangan.

"Bersabarlah. Sesungguhnya Allah bersama orang-orang yang sabar..." Tuturnya lagi, lembut.

Aku mengetam bibir. Sebak. Rupanya diri aku tidak lepas dari perhatian-Nya dan juga lelaki ini. Berpayung di bawah lindungan kasih Ilahi.

"Saya tak apa-apa. Mata ni masuk habuk." Aku menggunakan idea lapuk itu dengan

harapan dapat mengaburi mata dia dan Salwa. Moga-moga jawapan itu dapat mengunci mulut mereka daripada terus bertanya lagi.

Mukhriz dan Salwa berdua saling berpandangan antara satu sama lain. Curiga dengan jawapan aku, barangkali. Biarkanlah...

Lampu cabin menyala tiba-tiba. Kedengaran pengumuman dari pemandu memberitahu bekalan elektrik sudah pulih seperti sediakala. Kemudian berkali-kali memohon maaf atas kelewatan yang berlaku. Begitulah budaya orang Jepun... cukup sensitif soal masa. Aku tersenyum kegembiraan apabila mendapati keretapi sudah mula bergerak.

"Kalau terus senyum begitu kan lebih manis," Kata Mukhriz, perlahan.

Aku menoleh. Pandangan kami berlaga untuk beberapa detik sebelum lelaki itu berlalu. Tapi senyumanku tercipta bukan untukmu, bisik hati kecilku.

Ya Allah, perlukah aku menghargai tiap detik yang berlalu ini sedangkan aku tidak selesa berada di dalam keadaan begini. Berdekatan dengan lelaki yang aku sukai. Perasaan aku akan mudah tergoda dan terganggu. Sememangnya Kau sedang menguji aku...

Hati ini takkan terusik lebih-lebih kalau Kak Fida tidak membawa perkhabaran itu. Sebelum ini kehidupan aku tenang-tenang sahaja. Aku tidak memikirkan selain dari belajar... dan belajar. Tanggungjawab itu yang telah diamanahkan kepadaku. Segunung harapan disandarkan di bahu ini. Tetapi, tiba-tiba sahaja ketenangan itu diragut. Lalu aku tersesat di dalam hutan rasa dan bagaikan tiada jalan pulang.

Lamunan aku terhenti setelah mendengar Salwa berdehem berkali-kali. Aku mengangkat kening lalu menumpahkan pandangan pada kohai (junior) yang sedang tersengih-sengih itu. Hati diburu tanda tanya.

"Kalau saya tanya sesuatu, jangan marah ya."

"Apa dia?"

"Kak Adi dengan abang Mukhriz tu ada apa-apa ke? Semacam aja saya tengok."

Aku menarik nafas dalam-dalam kerana soalan begini boleh menyebabkan jantung aku berhenti dari berfungsi tiba-tiba. Jadi aku perlu pastikan terlebih dahulu jantung aku menerima kandungan udara yang mencukupi. Wajah Salwa yang redup aku tenung dalam-dalam.

"Tak ada apa-apalah. Kamu ni terlalu banyak baca novel cinta. Pandangan kamu pun dah jadi tak berapa betul. Sebenarnya apa yang kamu nampak tu sebahagian dari ilusi optik." Aku berseloroh.

"Saya tanya betul-betul ni, akak pula jawab main-main." Kata Salwa lalu memukul

lenganku. Geram.

"Logamaya, fatamorgana..." Sambungku lagi sambil ketawa halus.

Salwa mencebik bibir. Aku tidak jadi ketawa apabila mendapati wajahnya sudah masam seperti cuka. Perasaan bersalah bersarang di hati. Tak baiknya aku mempermainkan orang.

"Gomen, gomen... Kita berhenti kat mana pula lepas ni?" Aku cuba mengalih topik perbualan kami.

"Maibara."

"Eki lepas ni..." Kataku selepas ternampak papan tanda tatkala kami sedang melepasi sebuah stesen. Sedikit gembira.

Kami tidak perlu menanti lama di Oogaki eki sebelum kembali masuk ke dalam perut keretapi. Dengan menaiki kaisoku densya (rapid train), perjalanan menjadi semakin lancar. Dalam masa tidak sampai setengah jam kami akan tiba di destinasi seterusnya - Maibara. Aku meneruskan pembacaan yang tergendala tadi. Tanpa menyedari ada mata yang sedang memerhati.

Salwa awal-awal lagi sudah terlena sebaik sahaja keretapi ini bertolak dari Maibara. Agaknya kepenatan berdiri terlalu lama tadi. Waktu musim cuti begini memang keretapi akan sentiasa penuh dengan penumpang yang bertali arus. Masyarakat Jepun mengambil peluang ini untuk pulang ke kampung menyambut Tahun Baru bersama kaum keluarga, ataupun pergi melancong.

Kegelapan malam perlahan-lahan melabuhkan tirainya. Aku cuba melelapkan mata. Gagal. Peristiwa tadi kembali menerpa fikiran.

"Buku apa yang awak baca tu?" Tanya Mukhriz sejurus kami selesai solat jama' maghrib dan isya' secara berjamaah di Maibara eki tadi.

Aku menunjukkan muka depan buku tersebut. Kemudian cepat-cepat berpaling pada Salwa. Aku bimbang dia akan curiga lagi dengan keramahan Mukhriz itu.

"So... apa komen awak tentang buku tu? Apa yang pengajaran awak dapat? Mungkin boleh kongsi dengan kami sementara tunggu densya seterusnya ni."

Aku menelan air liur. Mahu saja aku memberitahu dia, "Ini bukannya sesi POI, Encik Mukhriz. Awak tak boleh beri POI sesuka hati pada saya. Terutama sekali bila waktu saya tak sedia macam sekarang ni." Malangnya aku hanya menjadi orang paling berani di dalam dunia ciptaanku. Realiti sebenarnya aku cukup penakut dan tidak berani melakukan serangan balas itu.

"Saya baru baca sikit. Bukunya menarik..." Jawabku dengan suara yang tersekat-sekat.

Aku berhenti setakat di situ. Tidak mengulas panjang. Kenapalah dia suka sangat bertanya pada aku, gerutu aku dalam hati.

"Aik, takkan itu aja?" Bekas pendebat terbaik itu seperti tidak berpuas hati dengan jawapan yang diterimanya. Namun wajahnya masih tenang. Tiada reaksi marah.

Aku mengangguk perlahan.

"Boleh saya tahu berapa lama awak komited dengan usrah kita?"

"Dekat dua tahun..."

"Dua tahun... dua tahun diberi tarbiyah dan pendedahan tapi awak beri jawapan begitu pada saya. Ini perlu masuk dalam muhasabah LDT tahun ni. Ketua LDT tahun depan perlu pantau usrah akhawat juga." Ujar Mukhriz, separuh mengusik.

Aku langsung tersipu-sipu malu mendengar komen dan gurauan ketua Lajnah Dakwah dan Tarbiyah (LDT) itu. Dalam diam aku mengakui kebenaran itu, cara aku menjawab tadi tidak menunjukkan sejauh mana hasil tarbiyah yang aku jalani.

"Siapa naqibah awak?" Dia bertanya lagi.

"Kak Ainul..."

"Kak Ainul Mardhiah? Dia tak agihkan tugas pengisian pada anak usrah ke?"

"Ada."

"Habis tu... macam mana awak boleh jawab macam tu tadi?" Mukhriz jadi semakin agresif.

Aku membatu. Sempat mengerling pada Salwa yang menjadi pemerhati setia. Beralih kembali pada Syed Ahmad Mukhriz. Aku tahu sampai bila pun aku tak mampu menandingi dirinya. Mukhriz rajin mengulit buku-buku sirah sedangkan aku tidak.

Setiap kali tiba giliran memberi pengisian dalam usrah barulah aku terkecoh-kecoh membaca. Kebetulan aku diminta memberikan pengisian di bawah hijrah dan implikasinya. Jadi barulah aku tahu dari mana datangnya kisah Suraqah Bin Malik yang dijanjikan Rasulullah gelang raja Parsi, yang Mukhriz pernah ceritakan sedikit masa dahulu.

Mukhriz menerangkan bagaimana keajaiban yang berlaku semasa Suraqah cuba mengejar Rasulullah dan Abu Bakar. Salah satunya, kaki hadapan kuda Suraqah terbenam di dalam pasir sehingga paras lutut setiap kali dia cuba menghampiri nabi. Lancar lidah

Mukhriz menyebut nama para sahabat (yang aku tidak pernah dengar), nama tempat berserta tarikh sesuatu peristiwa. Seolah-olah telah dihafalnya seluruh buku tersebut. Dalam soal itu, aku ketinggalan terlalu jauh di belakang.

"Khadijah..."

Perasaan aku bergetar. Cara dia memang sama seperti papa. Setiap kali papa ingin menasihatiku, dia juga akan mulakan dengan menyebut namaku.

"Saidatina Khadijah binti Khuwailid adalah manusia pertama yang menyahut seruan iman dan islam, saidatina Aisyah jadi gedung ilmu dan pusat sumber maklumat, Nusaibah binti Ka'ab bermatian-matian di medan Uhud dan Sumaiyah Ali Yaasir pula orang pertama mendapat gelaran syahid. Mereka semua ini adalah muslimah... wanita seperti awak. Menjadi bukti yang jelas bahawa peranan wanita adalah jauh lebih luas dari hanya sekadar menguruskan rumahtangga. Sejarah telah menyaksikan penglibatan muslimat dalam gerakan dakwah dan ia memang tak dapat dinafikan lagi."

"Maknanya Islam tidak sama sekali membezakan antara lelaki dan perempuan dari segi tanggungjawab di atas muka bumi. Jadi, setelah kita berusaha membentuk diri kita dengan sesempurna mungkin untuk memikul tanggungjawab ini, setiap individu mestilah berusaha untuk menyeru ke arah pelaksanaan cita-cita iman dan islam ke dalam realiti. Keindahan dan kesempurnaan Islam tidak akan terbukti kalau hanya setakat teori dan cita yang tidak dicernakan ke dalam realiti. Tugas mencernakan ajaran Islam dan mengajak manusia bersama untuk beriman inilah yang dikenali sebagai dakwah." Terangnya dengan panjang lebar.

Aku semakin berdebar-debar menanti kalimat yang seterusnya. "Dakwah dimulai dari lahirnya sekelompok orang yang sedar dan insaf, serta yakin akan tugas mereka, disamping iman yang tebal kepada Allah SWT. Sedar ataupun tidak, awak sebenarnya berada dalam kelompok itu. Awak sudah punya kesedaran dan keinsafan. Yang kita telah latih di bawah sistem tarbiyah supaya bersedia menjadi seorang da'ieah (pendakwah). Cuma dari segi keyakinan, nampaknya awak masih kurang lagi..."

Aku terkebil-kebil mendengar kuliah percuma yang panjang lebar itu. Kesilapan yang nampak sahaja kecil diulasnya panjang berjela-jela. Memang benarlah Mukhriz dilatih menjadi seorang pengkritik yang hebat!

"Cuba sekali lagi. Saya tahu dan yakin awak boleh lakukan lebih baik daripada tadi. Jangan hampakan keyakinan saya tu, Khadijah..."

Kalimat terakhir itu terus berlegar-legar di kotak fikiran. "Jangan hampakan keyakinan saya tu, Khadijah..." Aku menarik nafas sedalam-dalamnya. Cuba membakar semangat diri.

"Saya tertarik dengan kata-kata ni - seseorang muslim hidup di antara dua solat, iaitu solat subuh dan isya'. Maknanya seorang muslim memulakan setiap hari di dalam

hidupnya dengan solat dan diakhiri dengan solat. Dengan silih bergantinya masa, seorang muslim juga berulang kali dapat berada di samping Allah..." Begitulah aku mengakhiri ucapanku, tentunya lebih panjang daripada kali pertama tadi.

"Macam tulah. Tahniah! Satu permulaan yang cukup baik..." Puji Mukhriz.

Aku beristighfar beberapa kali. Bimbang pujian itu buat aku terleka. Mukhriz menjarakkan ruang antara kami, membiarkan aku dan Salwa bersendirian.

"Amboi, seronoknya dia tengok abang Mukhriz marahkan akak." Kata aku lalu menyucuk perut Salwa yang tersengih seperti kerang busuk. Dia mengaduh kecil.

"Abang Mukhriz tak marah, dia cuma nasihat." Celah lelaki itu.

Memasang telinga lagi rupanya si dia. Menyibuk sungguh!

Hingga ke saat ini wajahku masih tidak hilang rasa hangatnya. Aku jadi malu sungguh mengenangkan peristiwa itu. Kesyukuran dipanjat ke hadrat Ilahi. Kini aku benar-benarkan yakin, Allah tidak 'mencipta masa ini' dengan sia-sia.